



## NOTIS PEMBERITAHUAN

Tarikh : 15 Disember 2024

Kepada semua pemegang taruh (*stakeholders*) di dalam kawasan pembangunan Ibrahim International Business District (IIBD).

### **PEMBERITAHUAN PERTUKARAN ALAMAT SURAT MENYURAT DAN POSKOD BAGI KAWASAN PEMBANGUNAN IBRAHIM INTERNATIONAL BUSINESS DISTRICT (IIBD) YANG DULUNYA DIKENALI SEBAGAI 'JOHOR BAHRU CITY CENTRE' (JBCC)**

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

Pentadbiran ini ingin memaklumkan bahawa pertukaran poskod bagi Kawasan Ibrahim International Business District (IIBD) kepada '**80888**' sepertimana kelulusan Pos Malaysia yang telah dirasmikan oleh YAB Menteri Besar Johor pada 24 Mac 2024. Poskod Baharu ini akan berkuat kuasa mulai **1 Januari 2025** dan pihak tuan diminta untuk mengemaskini alamat surat- menyurat sepertimana contoh di bawah : -

#### **Struktur Alamat rasmi sedia ada (contoh):**

Nama pemilik / premis/ Perniagaan  
No / Tingkat, Nama Bangunan / Jalan  
**80000 Johor Bahru,**  
Johor Darul Ta'zim

#### **Struktur Alamat rasmi baharu (contoh):**

Nama pemilik / premis/ Perniagaan  
No / Tingkat, Nama Bangunan / Jalan  
**80888 Ibrahim International Business District,**  
Johor Darul Ta'zim.


2. Untuk makluman, poskod ini hanya terpakai di dalam Kawasan Ibrahim International Business District (IIBD) meliputi keluasan 240 ekar sepertimana yang diwartakan di dalam Rancangan Tempatan Daerah Johor Bahru (RTDJB) yang bakal mendukung usaha menaiktaraf IIBD sebagai destinasi yang tersendiri dan terkemuka, bagi mencapai potensi penuh IIBD sebagai sebuah destinasi bertaraf dunia. Sila rujuk '*Lampiran A*' bagi pemakluman persempadanan Kawasan IIBD.

3. Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut, boleh menghubungi pihak kami di Unit Transformasi & Pengantarabangsaan, Jabatan Perancangan Pembangunan, MBBJ di talian 07-2198246 atau 07-2198208.

Sekian, terima kasih.

**(DATO' HAJI MOHD NOOR AZAM BIN DATO' HAJI OSMAN)**

Datuk Bandar  
Majlis Bandaraya Johor Bahru



## EXISTING LANDUSE IIBD

### Legend

- Residential
- Commercial
- Institutional and Public Amenities
- Infrastructure and Utilities
- Transportation
- Vacant Land
- Open Spaces and Park
- Water Bodies

### Others

- IIBD Boundary
- Station and Railway

### List of Roads in IIBD Area

1. Jalan Khalid Abdullah
2. Jalan Ayer Molek
3. Jalan Ibrahim
4. Jalan Sultan Ibrahim
5. Jalan Dato Onn
6. Jalan Tan Hiok Nee
7. Jalan Dhoby
8. Jalan Trus
9. Jalan Segget
10. Jalan Ungku Puan
11. Jalan Abdullah Ibrahim
12. Jalan Wong Ah Fook
13. Jalan Dato Dalam
14. Jalan Tun Abdul Razak